

23 APR 1999
Abdullah-UMNO
KEKUATAN UMNO KERANA PATUHI AL-QURAN

KUALA TERENGGANU, 23 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi berkata UMNO mendapat banyak kekuatan dalam perjuangannya kerana anggotanya patuh kepada ajaran Al-Quran.

Kekuatan itu juga diperolehi kerana UMNO sedar tuntutan agama itu perlu dipenuhi, katanya ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kuala Terengganu hari ini.

"Kita telah membuktikan apa yang dilaksanakan selama ini untuk meninggikan syiar Islam di negara kita, untuk memberi kedudukan yang lebih baik bagi umat di negara kita ini, adalah satu kejayaan yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana parti. PAS pun tidak boleh menandingi kita dalam hal ini," katanya.

Abdullah berkata apa yang perlu dilakukan sekarang ialah meneruskan usaha yang sudah dilaksanakan itu dengan penuh dedikasi dan pemahaman bagi mencapai matlamat perjuangan parti.

"Sekian lama kita berjuang dan menghadapi pelbagai bentuk masalah dan cabaran sepanjang perjuangan UMNO lebih setengah abad tetapi berkat kerjasama dan pegangan kita yang kuat kepada prinsip perjuangan, kita sudah berjaya," katanya.

Katanya ketika Datuk Onn Jaafar meninggalkan UMNO dulu bersama ramai pemimpin parti itu yang berkecualan dan berkedudukan tinggi, banyak pihak yang bimbang UMNO akan tersungkur tetapi Tunku Abdul Rahman Putra dapat memimpin parti itu sehingga mendapat kemerdekaan dan kejayaan bagi bangsa dan negara.

Begitu juga apabila Parti Semangat 46 ditubuhkan tetapi oleh sebab perjuangan dan matlamat yang sama, anggota parti itu dapat balik bersama dan bergabung bagi menjadikan UMNO lebih kuat dari masa dulu, katanya.

"Perjuangan UMNO kerana agama, bangsa dan negara adalah matlamat perjuangan yang luhur yang sudah semestinya akan mendapat sokongan bukan sahaja orang Melayu tetapi majoriti rakyat Malaysia," katanya.

Abdullah juga berkata ekonomi negara sudah pulih dan banyak pihak terutama di luar negara yang sebelum ini mengecam langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh kerajaan kini sudah sedar.

"Ada bukti dan tanda-tanda hari ini, mereka yang mengutuk kita termasuk pakar ekonomi dan agensi penganalisis ekonomi di luar negeri dan beberapa akhbar besar di luar negeri sudah faham dan mengakui bahawa negara pertama yang akan keluar daripada kegawatan Asia Tenggara dan yang pertama akan pulih ialah Malaysia kerana kejayaan dalam pelaksanaan pendekatan-pendekatan itu," katanya.

Beliau berkata bahawa sebelum ini ramai yang bimbang dengan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ada yang tidak yakin negara akan dapat memulihkan ekonominya "lebih-lebih lagi Menteri Kewangan dulu (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sudah tidak ada dalam kabinet".

"Tetapi sudah terbukti dan tidak boleh disangkal, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri selepas Anwar dipecat berjaya dan berhasil," kata beliau.

Abdullah berkata kejayaan itu dapat dicapai dengan kegigihan dan kesungguhan kerajaan serta berkat sokongan rakyat dan keyakinan yang diberi kepada kerajaan.

"Ini semua berhasil kerana kerajaan memberi perhatian bagi memulihkan ekonomi kerana kita tidak mahu rakyat menderita dan susah seperti yang

dialami di beberapa negara lain," katanya.
-- BERNAMA
SBJ MAI